

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS LAFAZ IKRAR & AKU JANJI PELAJAR  
BAHARU UMS SESI 2017/2018**

**7 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)  
DEWAN CANSOLOR UMS, 9.00-10.00 PAGI**

**Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati  
Sejiwa**

**SALUTASI**

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita semua dapat berkumpul pada pagi yang cukup bermakna hari ini sempena Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Pelajar Baharu Universiti Malaysia Sabah Sesi 2017/2018. Saya selaku Naib Canselor, mewakili seluruh tenaga akademik dan kakitangan pentadbiran, mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kemasukan anda ke Universiti Malaysia Sabah.

Semoga kehadiran anda ke Universiti ini, bakal menghasilkan kejayaan yang cemerlang serta sejarah kehidupan yang membanggakan sepanjang tempoh pengajian anda di Universiti ini.

Selamat datang saya ucapkan, khasnya kepada para pelajar yang baru pertama kali menjejakkan kaki ke negeri Sabah. Selain menimba ilmu akademik, ambillah peluang ini untuk memahami budaya masyarakat di Sabah yang unik.

Pada pagi ini, majlis kita juga diserikan dengan kehadiran Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Masidi Manjun. Sesungguhnya, kehadiran Yang Berhormat Menteri mampu memberikan semangat kepada pelajar baharu UMS untuk terus gigih menimba ilmu di sini.

**Yang Berhormat Menteri dan para pelajar yang dikasihi sekalian,**

Kehadiran anda kami sambut dengan rasa penuh tanggungjawab. Anda adalah amanah ibu bapa dan negara yang harus kami sempurnakan.

Sebagai golongan terpelajar, anda dipandang dan diletakkan pada kedudukan tinggi oleh masyarakat. Masyarakat mengharapkan anda menjadi pewaris kepimpinan, peneraju ekonomi,

pencipta ilmu dan teknologi, agen perpaduan dan perubahan serta sumber modal insan sektor awam dan swasta. Justeru, tugas anda adalah membalas harapan mereka dengan sebaik mungkin dengan menyemai bakti demi keutuhan agama, bangsa dan negara.

Elok juga saya nyatakan di sini bahawa menerusi lafaz ikrar yang akan dilafazkan sebentar sahaja lagi, anda perlulah menghayati dengan sepenuh jiwa, difahami akan maksudnya, dan diikuti sehingga tiba saat anda menerima segulung ijazah di atas pentas Dewan Canselor yang penuh gah ini. Janganlah mengambil enteng akan bait-bait lafaz ikrar tersebut, kerana ikrar itu akan menjadi panduan dan bimbingan anda untuk menggapai kejayaan dan kecemerlangan.



## **Siswa Siswi yang dikasihi sekalian,**

Ikrar pelajar UMS menggariskan empat perkara. Pertama, **mematuhi akta, perlembagaan, statut, peraturan dan tata tertib yang berkuatkuasa di universiti ini.** Elemen ini mengkehendaki anda untuk akur dan mengikuti segala peraturan yang ada selama bergelar pelajar di UMS. Ia bukanlah bertujuan hendak menyekat kebebasan dan langkah anda.

Sebaliknya, peraturan yang dibuat bertujuan membentuk anda supaya berdisiplin, di samping tidak mendatangkan masalah terhadap mana-mana pihak. Perkara kedua yang terkandung dalam ikrar pelajar ialah **mencapai kecemerlangan kesarjanaan akademik dan mempertahankan kebebasan berbuat demikian.**

Berbeda dengan cara pembelajaran di sekolah, di universitas anda semua dituntut agar berfikir secara kritis dan kreatif, berfikir di luar kotak dan berdiskusi dalam menuntut ilmu.

Para dosen akan membimbing anda meneruskan kuliah yang disampaikan, tetapi anda adalah yang harus berusaha mencari sebanyak mungkin ilmu tentang apa yang dikuliahkan. Caranya, meneruskan membaca di perpustakaan dan sumber maya

yang lain. Inilah yang akan mematangkan pemikiran anda, sekali gus membezakan anda dengan pelajar sekolah.

Seterusnya, perkara ketiga dalam ikrar pelajar ialah **menjadi warga yang berdisiplin dan mengutamakan kualiti dalam pelaksanaan aktiviti**. Konteks disiplin yang digariskan di sini adalah luas maksudnya. Ia merangkumi disiplin dari segi pengurusan masa dan tingkah laku.

Bagi penuntut universiti, semestinya semua perkara hendaklah dilakukan secara berdisiplin. Hanya pelajar yang berdisiplin yang akan mampu menguruskan kehidupannya dengan baik.

Menyentuh tentang **mengutamakan kualiti dalam melaksanakan aktiviti** pula, ia berkait dengan kualiti dalam melakukan sesuatu tugas akademik misalnya.

*Assignment* yang diberikan oleh pensyarah mestilah disiapkan dengan sebaik mungkin mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Jadikan ia sebagai tanggungjawab dan amanah, bukan sekadar "*Melepaskan batok di tangga,*" "*Janji asal siap*" tetapi hasilnya tidak mencerminkan anda sebagai pelajar universiti.

Kemudian, dari aspek pelaksanaan aktiviti universiti, anda berpeluang terlibat dengan pelbagai aktiviti persatuan pelajar, misalnya program tanggungjawab sosial korporat, bakti siswa, karnival keusahawanan, persembahan dan sebagainya. Tentunya aspek kualiti amat dititikberatkan di sini.

Perkara keempat yang digariskan dalam ikrar pelajar UMS ialah **meningkatkan martabat dan prestij universiti ini dan berbakti mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara.** Sebagai pelajar UMS, anda perlulah berganding bahu dengan warga UMS yang lain untuk sama-sama meningkatkan nama baik UMS selain berbakti kepada masyarakat dan negara.



Keempat-empat perkara dalam ikrar pelajar UMS ini tidak akan tercapai sekiranya para pelajar tidak menanamkan nilai-nilai murni dalam diri masing-masing iaitu **amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, berdisiplin, bekerjasama, berbudi mulia** dan akhir sekali, **bersyukur**. Semua nilai positif ini perlu ada jika anda ingin menjadi pelajar yang cemerlang.

## **Hadirin Hadirat sekalian,**

Kini, kita berada di dunia yang lebih kompleks, dipacu dengan cukup deras menerusi Revolusi Industri Keempat atau IR4.0. Semua universiti termasuklah UMS turut terkesan dengan impak penggunaan teknologi secara radikal yang dipercayai akan mengubah landskap kehidupan dan norma masyarakat pada masa yang akan datang. Justeru, universiti juga perlu berubah dan

mampu mengadaptasi era digital yang kian rancak berkembang.

Dalam konteks UMS, kita tidak boleh ketinggalan dan harus bergerak seiring dengan peredaran masa. Oleh itu, harus ada satu usaha yang tersusun untuk memastikan berlakunya apa yang saya namakan "Transformasi Universiti Industri 4.0".

Bagi memastikan transformasi ini berjalan lancar, lima (5) aspek nilai perlu ditekankan kepada seluruh warga UMS yaitu ***Dynamic, Sustainability, Integrity, Joyful*** dan ***Justice***. Secara ringkas, ***Dynamic*** bermaksud warga UMS perlu cepat menerima dan menyesuaikan diri dengan segala perubahan, fungsi dan tanggungjawab.

***Sustainability*** atau kelestarian memfokuskan kepada aktiviti yang dilaksanakan hendaklah dipastikan mampu bertahan untuk tempoh masa yang lama, kos efektif dan menghasilkan impak positif kepada masyarakat.

***Integrity*** pula sangat penting kerana ia berkait dengan kejujuran dan amanah semasa melakukan pekerjaan yang akhirnya menghasilkan keikhlasan dalam tindakan kita.

Setiap apa yang dikerjakan, kita perlu gembira atau **Joyful** dan perlu mengubah *mindset* kita bahawa setiap pekerjaan yang kita buat itu adalah merupakan suatu ibadah. Dan yang terakhir ialah **Justice** iaitu semua fungsi dan tanggungjawab, tugas dan aktiviti yang dijalankan hendaklah pada akhirnya mampu memberikan keadilan kepada semua pihak.

Sekiranya semua nilai ini dapat diserapkan dan dijadikan DNA kepada seluruh warga UMS, saya yakin, UMS akan mampu mentransformasi kepada Universiti Industri 4.0 dengan lebih cepat.

**Siswa Siswi yang saya kasihi sekalian,**

Saya ingin titipkan sedikit nasihat sebelum mengundur diri. Berusahalah untuk melakar kejayaan dengan penuh cemerlang. Peluang dan ruang telah terbuka seluas-luasnya, maka rebutlah sehingga pada satu hari nanti anda akan berterima kasih kepada Universiti ini yang telah membentuk jati diri, personaliti, sikap, akhlak dan pemikiran apabila anda berada di tahap kejayaan yang tertinggi pada masa hadapan.



Patuhilah segala peraturan, turutilah segala nasihat, pasti anda tidak akan menghadapi masalah dalam menjalani hidup sebagai pelajar universiti. Akhir kata, belajarlah dengan tekun dan tuntutlah ilmu dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita yang diimpikan.

Sekian,

wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.